



Anwar bersama Putin dan Han Zheng pada Sesi Pleno Forum Ekonomi Timur di Vladivostok, Russia, semalam.

(Foto AFP)

# KL tawar Moscow kepakaran sektor kewangan Islam

## Peranan Malaysia sebagai peneraju global boleh dimanafaat Russia

Oleh Zuraimi Abdullah  
dan Fahmy A. Rosli  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim 'menawarkan' kepakaran Malaysia untuk membantu Russia dalam sektor kewangan Islam, mengambil kira peranan besar Kuala Lumpur yang dianggap sebagai peneraju global dalam perkhidmatan berkenaan.

Perdana Menteri berkata, bukan saja Malaysia, malah Russia berpotensi meraih lebih banyak pelaburan, khususnya dari negara Islam, jika memanfaatkan perkhidmatan kewangan itu.

Beliau berkata, mengambil kira populasi penduduk Islam di Russia, ia sekali gus menambahkan potensi besar untuk merancakkan lagi sektor kewangan Islam khususnya di Russia.

"Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia bangga melakukan perniagaan dengan semua negara dan kami mendapat manfaat penting dalam rantaian bekalan global.

"Inti pati usaha ini adalah rangka kerja Ekonomi MADANI yang melaksanakan inisiatif pembaharuan struktur untuk menjejak laluan masa depan yang lebih mampan dan inklusif untuk bangsa kami.

"Jadi dalam hubungan bilateral antara Malaysia-Russia, sektor matang yang boleh dimanfaatkan

adalah kewangan Islam, di mana Malaysia dianggap sebagai peneraju global dengan ekosistem institusi patuh syariah yang kukuh dan inovatif dalam instrumen kewangan.

"Justeru, Russia dengan jumlah penduduk Islam yang signifikan, berada di ambang potensi besar dalam kewangan Islam.

"Pengenalan dan pengembangan perbankan Islam di Russia boleh membuka peluang untuk projek bersama dan menarik pelaburan signifikan dari negara majoriti Islam.

"Ia seterusnya menguatkan lagi hubungan dua hala dan memajukan pembangunan ekonomi," katanya dalam ucapan ketika menyertai Sesi Pleno Forum Ekonomi Timur (EEF) di Vladivostok, Russia, semalam.

Ucapan Perdana Menteri pada sidang itu disiarkan secara langsung oleh RTM. Sesi itu turut dihadiri Presiden Russia, Vladimir Putin dan Naib Presiden China, Han Zheng.

Dalam sesi sama, Perdana Menteri menzahirkan penghargaan kepada Russia yang banyak membantu menstabilkan pasaran pertanian global ekoran krisis sehingga mengganggu rantaian makanan global.

Anwar berkata, Russia melakukan kemajuan ketara apabila menjadi pemain global utama dalam sektor pertanian, terutama selaku pengeluar dan pengeksport bijiran terbesar dunia.

Terdahulu, ketika bercakap kepada media Malaysia sebelum menyertai sidang pleno itu, Anwar menyifatkan jempunan disampaikan secara peribadi oleh Presiden Putin untuk Malaysia menghadiri Sidang Kemuncak BRICS yang

berlangsung di Kazan, Russia dari 22 hingga 24 Oktober depan, mencerminkan keutamaan diberikan kepada negara ini.

Perdana Menteri berkata, ini kerana Malaysia antara puluhan negara yang sudah memohon untuk menjadi ahli BRICS.

"Jadi nampaknya keutamaan sudah diberikan kepada Malaysia," katanya yang akan mempertimbangkan dengan teliti sama ada menghadiri sendiri atau menghantar wakil ke sidang kemuncak itu memandangkan jadualnya yang padat bulan depan.

Putin mengemukakan jempunan terbabit ketika mesyuarat dua hala dan sesi makan malam khas untuk delegasi Malaysia di luar Forum EEF.

Pada 28 Julai lalu, Anwar dilaporkan, berkata Malaysia menghantar permohonan kepada Russia untuk menyertai BRICS susulan kunjungan hormat yang dibuat oleh Menteri Luar Russia, Sergey Lavrov.

Russia kini mempengerusikan BRICS, termasuk Brazil, India, China, Afrika Selatan, Iran, Mesir, Ethiopia dan Emiriah Arab Bersatu.

BRICS dianggap pesaing geopolitik utama kepada blok G7 yang terdiri daripada beberapa negara paling maju di dunia.

Mengenai peluang diterima sebagai ahli BRICS, Perdana Menteri melihat ia sebagai positif susulan perbualannya dengan Perdana Menteri China, Li Qiang; Perdana Menteri India, Narendra Modi; Putin dan Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva.

Dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Russia bersetuju Israel harus segera hentikan serangan ganas dan kejam ke atas Gaza.